

07 NOV 2002

Mahathir-Bush/I

KEMENANGAN BUSH MUNGKIN PERTINGKAT KONFRONTASI, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 7 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan kebimbangan akan meningkatnya konfrontasi antara Amerika Syarikat dan Islam, ekoran daripada kemenangan Republican dalam pilihan raya separuh penggal US dan bertambah popularnya parti Islam di merata dunia.

Beliau berkata kemenangan parti Republican pimpinan Presiden George W. Bush itu adalah sebagai undi yang memberi kepercayaan kepada dasar yang sedang dijalankannya termasuk yang menyentuh dunia Islam.

"Saya kira undi pada pilihan raya itu memberi kepercayaan kepada dasar-dasar yang diikuti oleh Presiden Bush," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas melancarkan dua model baru kereta nasional -- Proton Waja 1.8 dan Proton Arena 1.5 di Dataran Putra di sini.

Pada masa yang sama, kata Dr Mahathir, di dunia Islam pula parti-parti berteraskan Islam juga semakin popular, dan ini hanya membawa makna akan meningkatnya konfrontasi antara kedua-dua pihak.

"Kedua-dua pihak akan terdorong oleh perasaan marah dan kebencian masing-masing ke tahap yang maksimum, jadi apa yang akan kita lihat ialah sebuah dunia yang tidak begitu tenteram lagi," kata beliau.

Semalam, Republican berjaya menguasai Senat, mengekalkan penguasaannya dalam Dewan Perwakilan dan memperoleh majoriti bagi jawatan gabenor.

Parti-parti berteraskan Islam yang mencapai kejayaan mengejut pada pilihan raya akhir-akhir ini ialah di Pakistan, Turki, Bahrain dan Maghribi, dengan Parti Keadilan dan Pembangunan memenangi tampuk kuasa di Turki.

Dr Mahathir berkata pemimpin Al-Qaeda, Osama bin Laden, yang dikatakan telah merancang serangan terhadap Pusat Dagangan Dunia di Amerika, telah mencapai kejayaan yang melebihi apa yang diimpikannya.

"Beliau telah menjadikan seluruh dunia dalam ketakutan. Kini orang berasa takut untuk melakukan apa pun, beliau telah berjaya.

"Dan sebab beliau berjaya ialah kerana kita dikuasai perasaan marah. Kita tidak tahu bagaimana hendak mengendalikan perkara-perkara ini, lalu kita termasuk ke dalam perangkapnya," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata bagi Amerika, mereka berasa amat marah buat kali pertamanya dalam sejarah.

-- BERNAMA

RZS AHH NMO